

yang kelihatan selain kedua matanya. Dia dipanggil Aba Zaatil Karisy. Sebaik dia berkata: “Aku Abu Zaatil Karisy”, teruslah aku menyerbunya lantas menikam matanya dengan lembing. Maka matilah dia (dengan tikaman itu). Kata Hisyam, aku diberitahu bahawa Zubair bercerita, katanya: “Aku pijak mayatnya dengan kakiku. Setelah berhempas-pulas dan bersusah payah, barulah dapat aku keluarkan lembing (dari matanya) dalam keadaan hujungnya telah bengkok. Kata `Urwah: “Leming itu diberi Zubair kepada Rasulullah s.a.w. setelah diminta Baginda. Setelah Rasulullah s.a.w. wafat, Zubair mengambil kembali lembing itu. Setelah diminta Abu Bakar, diberinya pula kepada Abu Bakar. Setelah Abu Bakar meninggal dunia, `Umar pula meminta lembing itu. Oleh Zubair diberinya pula kepada `Umar. Setelah `Umar meninggal dunia, Zubair mengambilnya kembali. Kemudian ia diminta pula oleh `Utsman. Zubair memberinya pula kepada `Utsman. Setelah `Utsman terbunuh, ia berada di tangan keluarga `Ali. Akhir sekali `Abdullah bin az-Zubair meminta lembing itu. Lembing itu terus berada dalam simpanannya sehinggalah beliau terbunuh.¹⁵³

٣٩٩٥ - حَدَّثَنَا أَبُو الْيَمَانِ أَخْبَرَنَا شُعَيْبٌ عَنْ الزُّهْرِيِّ قَالَ أَخْبَرَنِي أَبُو إِدْرِيسَ عَائِدُ اللَّهِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ أَنَّ عُبَادَةَ بْنَ الصَّامِتِ وَكَانَ شَهِيدَ بَدْرٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ بَايَعُونِي

3995- Abul Yamaan meriwayatkan kepada kami, katanya: Syu'aib meriwayatkan kepada kami daripada az-Zuhri, katanya: Abu Idris `Aa'izullah bin `Abdillah meriwayatkan kepadaku bahawa `Ubaadah bin as-Shaamit – beliau ialah Ahli Badar¹⁵⁴ – berkata: “Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. bersabda: “Berbai'ahlah kamu kepadaku.”¹⁵⁵

¹⁵³ Riwayat ini menampilkan kisah terbunuhnya `Ubaidah bin Sa'id bin al-Aash yang lebih dikenali dengan nama panggilan Abu Zaatil Karisy dalam perang Badar. Orang yang telah berjaya membunuhnya ialah Zubair bin al-`Awwaam. Dengan itu terbuktilah penyertaan Zubair dalam perang berkenaan. Untuk maksud tabarruk Rasulullah s.a.w. dan para khulafa' sesudah Baginda berganti-ganti meminta dengan Zubair agar beliau meminjamkan lembing itu kepada mereka.

¹⁵⁴ Selain merupakan seorang Ahli Badar beliau merupakan seorang naqib di `Aqabah, Rasulullah s.a.w. telah mempersaudarakan beliau dengan Abi Martsad al-Ghanawi. Beliau telah ikut serta dalam semua peperangan yang dilancarkan selepas perang Badar. `Ubaadah bin as-Shamit adalah seorang yang tinggi, cantik, sasa, meninggal dunia di Ramallah, Palestin pada tahun 34 Hijrah.

¹⁵⁵ Hadits ini dikemukakan Bukhari di bawah bab ini semata-mata kerana ada terebut di dalamnya `Ubaadah bin as-Shamit sebagai Ahli Badar.

٣٩٩٦ - حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ بُكَيْرٍ حَدَّثَنَا اللَّيْثُ عَنْ عُقَيْلٍ عَنْ ابْنِ شِهَابٍ أَخْبَرَنِي عُرْوَةُ بْنُ الزُّبَيْرِ عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا زَوْجَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّ أَبَا حَذِيفَةَ وَكَانَ مِمَّنْ شَهِدَ بَدْرًا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَبَتَّى سَالِمًا وَأَنْكَحَهُ بِنْتَ أَخِيهِ هِنْدَ بِنْتَ الْوَلِيدِ بْنِ عُتْبَةَ وَهُوَ مَوْلَى لِمَرْأَةٍ مِنَ الْأَنْصَارِ كَمَا تَبَتَّى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ زَيْنًا وَكَانَ مِنْ تَبَتَّى رَجُلًا فِي الْجَاهِلِيَّةِ دَعَاهُ النَّاسُ إِلَيْهِ وَوَرِثَ مِنْ مِيرَاثِهِ حَتَّى أَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَى {ادْعُوهُمْ لِآبَائِهِمْ} فَجَاءَتْ سَهْلَةُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَذَكَرَ الْحَدِيثَ

3996- Yahya bin Bukair meriwayatkan kepada kami, katanya: al-Laits meriwayatkan kepada kami daripada 'Uqail daripada Ibni Syihaab, katanya: 'Urwah bin az-Zubair meriwayatkan kepadaku daripada 'Aaishah r.a. – isteri Nabi s.a.w. - katanya: “Abu Huzaifah – beliau ialah salah seorang sahabat yang telah ikut serta bersama-sama Nabi s.a.w. dalam perang Badar –¹⁵⁶ telah mengambil salim sebagai anak angkat. Beliau kahwinkan Salim dengan anak saudaranya bernama Hind binti al-Walid bin 'Utbah¹⁵⁷. Salim adalah hamba bebasan seorang perempuan Anshaar¹⁵⁸. Sebagaimana Rasulullah

¹⁵⁶ Sesetengah 'ulama' menyebutkan nama sebenar Abu Huzaifah ialah Mahsyam, sesetengah yang lain pula menyebutkan Husyaim, ada pula yang lain mengatakan namanya Hasyim, segolongan yang lain pula mengatakan namanya ialah Qais, beliau lebih terkenal dengan nama kuniahnya Abu Huzaifah. Abu Huzaifah adalah seorang sahabat yang utama dan istimewa, beliau terbilang antara sahabat yang telah bertuah kerana telah berhijrah kedua negeri, iaitu hijrah ke Habasyah dan hijrah ke Madinah. Sahabat-sahabat yang telah berhijrah kepada dua negeri tersebut dipanggil Sohibul Hijrotain. Beliau telah mati syahid dalam perang Yamamah yang berlaku dizaman pemerintahan Sayyidina Abu Bakar as-Siddiq ketika berumur 56 tahun.

¹⁵⁷ Demikianlah nama isteri Salim berdasarkan riwayat Bukhari, Nasai dan Abu Daud. Berdasarkan riwayat Imam Malik di dalam Muwattha', nama isteri Salim ialah Fatimah. Ibnu 'Abdil Barr di dalam Syarah Muwattha' Imam Malik telah memakai riwayat Imam Malik itu, disebutkan nama isteri Salim, Fatimah binti al-Walid, di dalam kitabnya al-Isti'ab, Ibnu 'Abdil Barr tidak ada menyebutkan seorang sahabiyat bernama Hind binti al-Walid, demikian juga dilakukan Ibnu Sa'ad di dalam Thabaqaatnya, beliau tidak ada menyenaraikan seorang sahabiyat bernama Hind binti al-Walid. Oleh kerana riwayat Bukhari, Abu Daud dan Nasai dengan jelas menyebutkan nama isteri Salim dengan Hind binti al-Walid, maka ia menunjukkan nama itu mempunyai sandaran yang kukuh. Anda boleh juga mentatbiqkan dua riwayat itu dengan mengatakan salah satu daripada dua nama itu merupakan nama sebenarnya dan yang satu lagi adalah nama gelarnya. Dengan itu tidak akan ada lagi pertentangan antara riwayat Bukhari dan riwayat Malik di dalam Muwattha'.

¹⁵⁸ Nama perempuan Anshaar yang telah memerdekakan Salim ialah Tsubaitah binti Ya'ar. Satu kemusykilan timbul di sini apabila didapati di bawah kitab al-Manaqib, ada satu bab berbunyi “Bab Manaqib Salim Maula Abi Huzaifah”. Pada zahirnya ia menunjukkan Salim adalah hamba

s.a.w. telah mengambil Zaid sebagai anak angkat. Semasa jahiliyah, anak angkat dibinkan kepada bapa angkatnya selain ia juga memusakainya. Sehingga Allah menurunkan firmanNya (bermaksud): Panggilah mereka (anak-anak angkat itu) dengan berbinkan kepada bapa-bapa mereka sendiri;.... (al-Ahzaab:5)¹⁵⁹. Maka datanglah Sahlah kepada Nabi s.a.w. Lalu perawi menyebutkan hadits seterusnya¹⁶⁰.

٣٩٩٧- حَدَّثَنَا عَلِيُّ حَدَّثَنَا بِشْرُ بْنُ الْمُفَضَّلِ حَدَّثَنَا خَالِدُ بْنُ دَكْوَانَ عَنْ الرَّبِيعِ بْنِ مُعَوَّذٍ قَالَتْ دَخَلَ عَلَيَّ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ غَدَاةَ نَبِيِّ عَلِيٍّ فَجَلَسَ عَلَيَّ فِرَاشِي كَمَجْلِسِكَ مِنِّي وَجُورِيَاتٍ يَضْرِبْنَ بِالْذُّفِّ يَنْدُبْنَ مَنْ قُتِلَ مِنْ آبَائِهِمْ يَوْمَ بَدْرٍ حَتَّى قَالَتْ حَارِيَّةٌ وَفِينَا نَبِيٌّ يَعْلَمُ مَا فِي غَدٍ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا تَقُولِي هَكَذَا وَقُولِي مَا كُنْتَ تَقُولِينَ

3997- 'Ali meriwayatkan kepada kami, katanya: Bisyr bin Mufaddhal meriwayatkan kepada kami, katanya: Khalid bin Zakwaan meriwayatkan kepada kami daripada Rubaiyyi` binti Mu`awwiz. Kata beliau: "Rasulullah s.a.w. masuk menemuiku pada pagi hari perkahwinanku. Baginda s.a.w. duduk di atas tilamku ini seperti kedudukanmu denganku (sekarang). Anak-anak gadis yang ada sibuk memalu kompong sambil

bebasan Abu Huzaifah. Riwayat di hadapan anda sekarang pula menunjukkan beliau bekas seorang hamba yang dibebaskan oleh seorang perempuan Anshaar. Dua riwayat ini jelas bertentangan. Hafiz Ibnu Hajar cuba menghilangkan pertentangan di antara dua riwayat berkenaan dengan mengatakan yang sebenarnya Salim adalah hamba yang dibebaskan oleh Tsubaitah al-Anshaariyah. Oleh kerana Salim dipelihara oleh Abu Huzaifah dan dijadikan seagai anak angkat oleh Abu Huzaifah, selalu juga beliau dipanggil Maula Abi Huzaifah. Itulah hakikat di sebalik kenapa Salim disebutkan sebagai Maula Abi Huzaifah di bawah kitab al-Manaqib.

¹⁵⁹ Firman Allah ini selengkapnya adalah seperti berikut:

أَدْعُوهُمْ لِأَبَائِهِمْ هُوَ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ فَإِنْ لَمْ تَعْلَمُوا آبَاءَهُمْ فَاِخْوَانُكُمْ فِي الدِّينِ وَمَوَالِيكُمْ وَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ فِيمَا أَخْطَأْتُمْ بِهِ وَلَكِنْ مَا تَعَمَّدَتْ قُلُوبُكُمْ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا ﴿٥٠﴾

Bermaksud: Panggilah anak-anak angkat itu Dengan berbinkan kepada bapa-bapa mereka sendiri; cara itulah yang lebih adil di sisi Allah. Dalam pada itu, jika kamu tidak mengetahui bapa-bapa mereka, maka panggilah mereka sebagai saudara-saudara kamu yang seugama dan sebagai "maula-maula" kamu. Dan kamu pula tidak dikira berdosa dalam perkara yang kamu tersilap melakukannya, tetapi (yang dikira berdosa itu ialah perbuatan) yang disengajakan oleh hati kamu melakukannya. Dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (Al-Ahzaab: 5).

¹⁶⁰ Imam Bukhari menyebutkan hadits ini secara ringkas sahaja di sini, tujuan beliau tidak lain hanyalah untuk membuktikan Abu Huzaifah sebagai salah seorang Ahli Badar. Perbincangan yang panjang lebar tentang hadits ini terletak di bawah bab Radha`atil Kabir.

menyanyikan lagu pujian terhadap keberanian bapa-bapa mereka yang terbunuh dalam peperangan Badar. Tiba-tiba ada seorang gadis berkata: “Bersama kita ada Nabi yang mengetahui perkara akan datang”, maka teruslah Nabi s.a.w. menegurnya dengan berkata: “Jangan engkau kata begitu. Tetapi kata saja apa yang sebelum ini engkau katakan¹⁶¹.”

*nota
sua 96*

¹⁶¹ Di dalam hadits ini juga terdapat beberapa kemusykilan, antara lainnya ialah: (1) Bagaimana Rasulullah s.a.w. telah berkhawah (bersunyi-sunyan) dengan perempuan ajnabiyyah (asing / bukan mahram). (2) Kedudukan Nabi s.a.w. yang begitu dekat dengan Rubayyi' binti Mu'awwiz. (3) Perihal anak-anak gadis yang memalu kompiang di hadapan Nabi s.a.w. (4) Kedudukan lagu, atau seni kata lagu yang menonjolkan keberanian dan kelebihan orang-orang yang telah meninggal dunia. Tidakkah ia termasuk dalam ratapan atau puji-pujian terhadap orang mati yang dilarang syara'? Jawapan kepada persoalan (1) ialah: (i) Peristiwa ini berlaku sebelum turunnya hukum hijab. (ii) Sebenarnya tidak ada khawah dalam erti kata sebenarnya pada ketika itu di antara Rasulullah dengan bukan mahram. Bukankah dalam majlis yang sama ada beberapa anak gadis yang sedang memalu kompiang dan mendendangkan lagu pujian terhadap pahlawan-pahlawan yang telah meninggal dunia? (iii) Hafiz Ibnu Hajar berpendapat berdasarkan dalil-dalil yang kuat, jelas sekali Rasulullah s.a.w. harus berkhawah dengan wanita asing sekalipun. Haramnya khawah dengan wanita asing menurut syariat Islam ialah kerana adanya kebimbangan atau fitnah yang mungkin timbul di antara seseorang lelaki dengan wanita bukan mahramnya. Oleh kerana Nabi s.a.w. ma'shum (terpelihara dari dosa-dosa besar dan kecil), kebimbangan dan fitnah seperti itu langsung tidak wujud. Kerana itulah ia diharuskan kepada Rasulullah s.a.w. dan ia merupakan khususiyah Nabi s.a.w. Jawapan kepada kemusykilan (2) ialah: (i) Oleh kerana Nabi s.a.w. terkecuali daripada keharaman berkhawah dengan wanita asing, maka tidak timbul lagi soal dekat atau jauh kedudukan Baginda dengan seseorang perempuan bukan mahramnya. (ii) Dalam keadaan terpelihara daripada fitnah, seseorang lelaki tidak secara mutlak diharamkan berada dekat dengan seorang perempuan selagi mengikut 'uruf ia bukan sesuatu yang menjolok mata atau menimbulkan keraguan yang munasabah. Berdasarkan pendapat ini hukum berada di suatu tempat yang amat dekat dengan seorang perempuan yang bukan mahram tidak khusus dengan Nabi s.a.w., malah ia umum untuk ummat Baginda. Sebagai contohnya duduk bersebelahan dengan seseorang perempuan atau lelaki bukan mahram di atas kapal terbang dan lain-lain. Jawapan kepada kemusykilan (3) ialah bermain alat muzik khususnya seperti yang tersebut di dalam hadits ini adalah diharuskan. Nabi s.a.w. tidak menegur anak-anak gadis itu bersuka ria dengan memalu kompiang, sedangkan dalam majlis yang sama Baginda ada menegur seorang gadis yang berkata: “Bersama kita ada Nabi yang mengetahui perkara akan datang”. Sekiranya bermain alat muzik khususnya kompiang adalah sesuatu yang diharamkan, tentulah Baginda s.a.w. menegurnya juga. Jawapan kepada kemusykilan (4) ialah: (i) Hadits ini menunjukkan keharusan memuji-muji orang mati khususnya mati syahid. Ia tidak termasuk dalam puji pujian yang terlarang. (ii) Seni kata lagu yang tidak mengandungi unsur-unsur syirik, ma'shiat dan perkara-perkara lain yang dilarang syara' adalah diharuskan terutamanya seni kata yang boleh menimbulkan semangat di dalam jiwa generasi kemudian. Hadits ini sendiri menunjukkan seni kata yang mengandungi unsur syirik seperti yang diucapkan seorang gadis